

20 MAC 2018

Misi bawa pulang 2 rakyat kita terkandas di Peru

BH Selasa, 20 Mac 2018 Ms.3

MASYARAKAT

Info

Keldai Dadah

Noor Suzanna Azmi
→ Dihukum penjara lima tahun dan dibebaskan beberapa tahun lalu
→ Tidak dapat pulang ke Malaysia kerana masalah dokumentasi

Noor Azimah Sapie
→ Tiba di Peru pada 2010
→ Dijadualkan ke Amerika Syarikat (AS) dari Peru sebagai keldai dadah
→ Akibat masalah visa, sindiket meninggalkannya di Peru

→ Hidup sebagai gelandangan di Peru mulai 2010

Syzlin Hathaman
→ Ditahan pada 2010
→ Dibebaskan dari penjara pada Mei 2017
→ Ditempatkan di sebuah gereja di Peru selepas dibebaskan
→ Meninggal dunia pada 7 Oktober 2017
→ Jenazah dibawa pulang ke Malaysia dengan bantuan BIKUM pada 17 Oktober 2017



Keratan akhbar BH
25 November 2016

Misi bawa pulang 2 rakyat kita terkandas di Peru

Empat wakil BiKUM ke Peru selesaikan proses dokumentasi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Dua rakyat Malaysia mangsa keldai dadah oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa yang kini terkandas di Peru akan dibawa pulang ke tanah air Isnin depan.

Pengerusi Biro Kebajikan UMNO (BIKUM), Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata seramai empat wakil diketuai Setiausaha Operasi BIKUM, Mohd Awie Shoubli Jamal akan berlepas ke Peru malam ini bagi melaksanakan misi berkenaan.

Sebaik tiba di Peru, wakil BIKUM akan menyelesaikan beberapa proses akhir dokumentasi sebelum membawa semua mangsa pulang. Mereka akan tiba di Malaysia 26 Mac ini kira-kira jam 2 petang.

Katanya, usaha membawa pulang Noor Azimah Sapie, 38, dan Noor Suzanna Azmi, 36, sudah dilakukan sejak lebih tahun lalu dengan bantuan Wisma Putra tetapi, mengambil masa berikutan proses dokumentasi yang agak rumit.

BIKUM turut membawa pulang anak Noor Azimah; Qistina Malsara Alarcon Sapie, suami Noor Suzanna; Garlin Lever Quispe Sanchez yang juga rakyat Peru serta dua anak mereka, Muhammad Du-



Shamsul Anuar (tengah) pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

ler Akasyah Salas Azmi dan Garlin Junior Quispe Azmi.

Shamsul Anuar berkata, BIKUM membelanjakan lebih RM150,000 bagi membawa pulang semua mereka termasuk perbelanjaan tiket penerbangan dan denda kerana tinggal lebih tempoh yang dibenarkan.

"Kita bawa pulang semua kerana tidak adil dari segi kemanusiaan jika memisahkan mereka dengan ahli keluarga.

"Sepatutnya mereka dibawa pulang Januari lalu, namun urusan (proses dokumentasi) termasuk mendapatkan permit keluar dari Peru mengambil sedikit masa dan saya bersyukur kerana urusan itu selesai akhirnya," katanya pada sidang media di pejabat BIKUM, di sini semalam.

Kongsi pengalaman

Ditanya mengenai perancangan selepas membawa pulang semua mangsa, Shamsul Anuar berkata, BIKUM akan menganjurkan program jelajah memabitkan Noor Azimah dan Noor Suzanna supaya mereka boleh berkongsi pengalaman sekali gus memberi kesedaran kepada masyarakat.

"BIKUM mahu mereka menceritakan pengalaman menjadi mangsa keldai dadah kepada kumpulan sasaran supaya masyarakat sedar mengenai bahayanya menjadi mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, kes memabitkan rakyat Malaysia dianiaya sindiket dadah ini bukan saja berlaku di Peru tetapi juga di negara lain.

Hampir jadi keldai dadah

Noor Azimah hampir menjadi keldai dadah kepada satu sindiket, namun disebabkan masalah visa, dia tidak diambil sindiket berkenaan. Berikutan itu dia tidak dapat meninggalkan negara terabit dan memerlukan pelepasan khas kerajaan Peru untuk dibawa pulang ke Malaysia.

Noor Suzanna pula sebelum ini bersama-sama seorang lagi bekas keldai dadah, Allahyarham Syzlin Hathaman, 43, pernah merenguk dalam penjara di negara itu kerana menyeludup dadah tetapi sudah dibebaskan beberapa tahun lalu.

Syzlin meninggal dunia di Hospital Nasional Dos De Mayo Health Facility, Lima pada 7 Oktober tahun lalu selepas menderita beberapa jenis penyakit termasuk asma dan kencing manis.

Hasil bantuan BIKUM dan BH yang menyiarkan laporan mengenai dia di Peru sebelum ini, jenazah Syzlin dibawa pulang ke kampung halamannya di Larkin, Johor dan selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kebun Teh pada 17 Oktober lalu.

Fakta nombor

5 AHLI KELUARGA
mangsa keldai dadah di Peru dibawa pulang ke tanah air

RM150,000
kos keseluruhan bagi membawa pulang semua mereka, termasuk perbelanjaan tiket penerbangan dan denda kerana tinggal lebih tempoh yang dibenarkan